


SEBUT HARGA DALAM TALIAN



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

DOKUMEN SEBUT HARGA

BAGI

**KERJA-KERJA PERKHIDMATAN DAN BEKALAN TAYAR PELBAGAI SAIZ
UNTUK KENDERAAN BERAT DAN KENDERAAN RINGAN TAHUN 2025
UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

NO. SEBUT HARGA	MBSJ.KUB.400-5/6/479
TARIKH BUKA	13 SEPTEMBER 2024
TARIKH TUTUP	27 SEPTEMBER 2024
MASA TUTUP	12.00 TENGAH HARI

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR D.E.
www.mpsj.gov.my**

SENARAI KANDUNGAN

BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER	SS 1 – SS 4
B	SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN 6	SAP 1 – SAP 2
C	ARAHAN KEPADA PETENDER	AKP 1 – AKP 10
D	BORANG SEBUT HARGA	BS 1 – BS 2
E	<i>PREAMBLES</i>	P 1
F	JADUAL KADAR HARGA	JKH SUM – JKH C/2/2
G	PENENTUAN PERKHIDMATAN	PP 1 – PP 2
H	MAKLUMAT PETENDER	MP 1 – MP 12
J	PELAN LOKASI	PL 1



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

**SENARAI SEMAK
DAN PERAKUAN
PETENDER**

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN SEBUT HARGA/TENDER

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA/TENDER DAN MAKLUMAT PETENDER.

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam arahan kepada petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen Sebut Harga/Tender kami semasa mengemukakan Sebut Harga/Tender ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender semasa Penilaian Sebut Harga/Tender.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian Sebut Harga/Tender ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang ditender. Justeru itu Sebut Harga/Tender kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada ahli Jawatankuasa Sebut harga/Lembaga Tender di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum Sebut Harga/Tender ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan didalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **Sebut Harga/Tender kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

(KERJA/BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Sila tandakan / Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Sila tandakan x Bagi Dokumen-dokumen Yang Tidak Disertakan atau Tidak Berkaitan.

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender/ Sebut Harga
1	<p>Petender adalah diwajibkan mengemukakan sekurang-kurangnya satu dari perkara-perkara berikut :</p> <p>i) Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga bagi bulan Jun, Julai dan Ogos 2024 (Penyata bank tersebut hendaklah DISAHKAN oleh bank) atau :</p> <p>ii) Salinan akaun yang diaudit oleh Akauntan bertauliah bagi dua (2) tahun kewangan terakhir yang telah DISAHKAN bagi Syarikat Sdn Bhd sahaja atau :</p> <p>iii) Sebarang salinan dokumen/surat pengesahan sebagai bukti kepada bayaran dijangka, kemudahan pinjaman dari bank, overdraf, kemudahan kredit dari pembekal dan lain-lain yang terkini.</p> <p>Penyata bank di atas telah DISAHKAN OLEH PIHAK BANK yang mengeluarkan penyata tersebut (penyata yang tidak disahkan akan mengakibatkan sebut harga tuan tidak akan dipertimbangkan semasa penilaian sebut harga dibuat)</p>	<input type="checkbox"/> 	<input type="checkbox"/>
2	<p>Borang Sebut harga lengkap diisi (termasuk nilai) dan ditandatangani. (Wajib)</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	<p>Surat Akuan Pembida (Lampiran 6) yang telah siap diisi dan ditandatangani. (Wajib).</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	<p>Salinan Borang D atau Borang E bagi kontraktor/pembekal berdaftar dengan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau:</p> <p>Salinan Borang Teras (<i>Super Foam</i>) bagi kontraktor/pembekal berdaftar dengan Akta Syarikat 2016. (Wajib)</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender/ Sebut Harga
5	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dan/atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputra dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Borang A (Maklumat Petender) – Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender lengkap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	<p>Bagi membolehkan penilaian teknikal dilakukan, petender perlu mengemukakan bukti pemilikan / keempunyaan loji, jentera, peralatan dan lain-lain (<i>mana-mana yang berkaitan</i>) seperti :</p> <p>i) Kenderaan / jentera dengan menyertakan salinan Sijil Pemilikan Kenderaan / Sijil / Surat Pajakan</p> <p>ii) Peralatan kerja dengan menyertakan senarai peralatan beserta bilangan</p> <p>iii) Pengalaman kerja dengan menyertakan Surat Setuju Terima (SST) dan laporan penilaian prestasi oleh agensi terlibat.</p> <p>iv) Salinan sijil-sijil kursus/seminar/latihan berkaitan</p>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
8	<p>Lain-lain (Sila nyatakan) :</p> <p>i) _____</p> <p>ii) _____</p> <p>iii) _____</p>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga/Tender. Semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>	<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga/Tender mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>
---	--

*Sila potong mana tidak berkenaan



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

**SURAT AKUAN
PEMBIDA
- LAMPIRAN 6 -**

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**KERJA-KERJA PERKHIDMATAN DAN BEKALAN TAYAR PELBAGAI SAIZ UNTUK
KENDERAAN BERAT DAN KENDERAAN RINGAN TAHUN 2025 UNTUK MAJLIS BANDARAYA
SUBANG JAYA**

NO.SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/479

Saya, (Nama Wakil
Syarikat) No. Kad Pengenalan
yang mewakili (Nama Syarikat)
nombor Pendaftaran
(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-
mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Majlis Bandaraya Subang Jaya** (Nama Kementerian/Agensi) atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan

2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

3.1 Didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau

3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cop Syarikat :

Catatan:

(i) **termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.

(ii) ***seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

(iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

**ARAHAN KEPADA
PETENDER**



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

BORANG SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BORANG SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI : KERJA-KERJA PERKHIDMATAN DAN BEKALAN TAYAR PELBAGAI SAIZ UNTUK KENDERAAN BERAT DAN KENDERAAN RINGAN TAHUN 2025 UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Kepada :

Datuk Bandar,

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

Tuan,

1. Saya / Kami yang bertandatangan di bawah ini, telah meneliti serta memahami segala syarat-syarat dan jadual kadar harga, dengan ini menawarkan diri untuk melaksanakan bekalan-bekalan / perkhidmatan tersebut dengan sempurna dan memuaskan dengan tawaran harga diskaun yang ditawarkan sepertimana di bawah dan / atau Penentuan Perkhidmatan tersebut. Yang bertandatangan di bawah ini mengemukakan tawaran melaksanakan kerja-kerja ini dengan kadar tawaran diskaun sebanyak*% (dengan perkataan :
.....) peratus daripada kadar harga sepertimana di dalam Jadual Kadar Harga di dalam dokumen sebut harga ini :

Nota: *.....Isikan kepada dua titik perpuluhan (Cth: 15.50)

2. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan bahawa tawaran diskaun tersebut akan digunakan untuk kadar harga di dalam Jadual Kadar Harga bagi menghasilkan Jumlah Bayaran yang akan dibuat terhadap sesuatu pesanan/arahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa.

3. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa nilai anggaran kerja keseluruhan perolehan ini adalah dijangka dalam lingkungan **RM16,667.00 sebulan** dan tertakluk kepada setiap arahan kerja yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa di mana dan apabila perlu dijalankan.

4. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa Jumlah Harga Kumulatif bagi keseluruhan tempoh kontrak ini berkuatkuasa selama **satu (1) tahun** tertakluk kepada kelulusan Pihak Majlis seperti di para 3 di atas adalah sebanyak **RM200,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Ribu Sahaja)** melainkan terdapat apa-apa arahan tambahan dari Pegawai Penguasa yang disifatkannya sesuai.

5. Bahawasanya adalah diketahui bahawa Majlis sentiasa berhak menyetujui atau menolak Sebut harga ini, sama ada ianya lebih rendah atau lebih tinggi daripada Sebut harga-sebut harga yang lain, atau sama tawaran harga diskaunnya. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju yang Sebut harga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Sebut harga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau perjanjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

6. Saya/Kami juga maklum bahawa akan **menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian** sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ seperti dinyatakan di dalam perkara 20.0 Arahan Kepada Petender.

7. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa sebut harga ini akan ditolak sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Majlis sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini bagi membatalkan pendaftaran yang bertandatangan di bawah ini sebagai kontraktor Kerajaan, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.

Bertarikh pada haribulan 2024.

.....
(Tandatangan Petender)

Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
.....
No. Telefon :
Tarikh :

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
.....
No. Telefon :
Tarikh :

.....
(Meterai atau Cop Petender)



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

PREAMBLES

PREAMBLES

BIL	HURAIAN
<p><u>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN</u></p>	
A	<p>Nota makluman dan pematuhan ini merupakan sebahagian dari dokumen kontrak dan perlu dibaca bersama-sama dengan Jadual Kadar Harga yang diterangkan di dalamnya.</p>
B	<p>Petender adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami semua kandungan dokumen Sebut Harga ini termasuk semua keterangan di dalam <i>Preambles</i>, Jadual Kadar Harga dan Penentuan Perkhidmatan. Ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua perkhidmatan yang dinyatakan mengikut arahan dan penentuan perkhidmatan sepertimana yang telah ditetapkan.</p>
C	<p>Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa sekiranya terdapat permasalahan di tapak.</p>
D	<p>Dengan menandatangani dokumen ini, pihak kontraktor telah mengesahkan bahawa pihaknya telah pun membaca dan memahami segala isi kandungan dokumen ini.</p>
<p><u>BAYARAN FI UNTUK PENYEDIAAN DOKUMEN PERJANJIAN KONTRAK</u></p>	
E	<p>Petender akan menanggung Fi bagi penyediaan Dokumen Perjanjian Kontrak sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.</p>
<p><u>PERLINDUNGAN TAKAFUL / INSURANS</u></p>	
F	<p>Petender hendaklah menyediakan Perlindungan Takaful / Insurans Tanggungan Awam sebelum melaksanakan perkhidmatan ini. (rujuk Perkara 22 dalam Arahan Kepada Petender) ** Walau bagaimanapun, adalah digalakkan untuk mengambil Pelan Perlindungan Takaful berbanding Pelan Perlindungan Insurans</p>
G	<p>Nombor Kod Majikan di bawah Skim PERKESO dan / atau Polisi Pampasan Pekerja.</p>
<p><u>LAIN-LAIN PENENTUAN BIDANG PERKHIDMATAN</u></p>	
H	<p>Kerja-kerja akan dilaksanakan oleh petender adalah mengikut kenderaan dan skop kerja seperti yang diarahkan di dalam arahan kerja (Borang Aduan Kerosakan).</p>
J	<p>Lain-lain tanggungjawab di dalam melaksanakan Perkhidmatan ini serta makluman kepada Petender adalah seperti di Penentuan Perkhidmatan.</p>



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

**JADUAL KADAR
HARGA**



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

**PENENTUAN
PERKHIDMATAN**

PENENTUAN PERKHIDMATAN

KERJA-KERJA PERKHIDMATAN DAN BEKALAN TAYAR PELBAGAI SAIZ UNTUK KENDERAAN BERAT DAN KENDERAAN RINGAN TAHUN 2025 UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

1.0 Kerja-kerja Membekal Tayar Bagi Kenderaan Ringan dan Berat

- i) Pembekal adalah dikehendaki menghantar tayar yang dimohon ke **Bengkel Kejuruteraan MBSJ**, Jalan TP2, Subang Jaya, Selangor.
- ii) Membekal semua jenis tayar kenderaan mengikut jadual kadar harga yang disediakan di dalam kontrak. Tarikh pembuatan tayar mestilah bermula dari minggu ke-40 tahun 2022 ke atas **(40/22)**. Pihak kontraktor dilarang membekalkan tayar yang telah lama dan hampir luput tarikh. Bayaran tidak akan dibuat sekiranya pihak kontraktor gagal mengikut arahan tersebut.
- iii) Tayar yang dibekalkan mestilah mengikut saiz yang dikehendaki berdasarkan jenama di dalam jadual kadar harga. Tayar yang tidak mengikut saiz dan standard seperti dalam jadual kadar harga, akan ditolak dan bayaran tidak akan dijelaskan.
- iv) Tempoh penghantaran adalah mengikut arahan kerja daripada pihak Majlis dan hendaklah dibekalkan dalam tempoh **dua (2) hari** bekerja.
- v) Harga yang ditawarkan adalah **kekalkan** untuk tempoh kontrak selama dua belas **(12) bulan**.
- vi) Bagi siri tayar yang tiada dalam senarai jadual kadar harga, pihak pembekal yang berjaya hendaklah mengemukakan sebut harga terlebih dahulu kepada Pegawai Penguasa untuk pengesahan dan kelulusan sebelum sesuatu bekalan dilakukan. Sila sertakan katalog /spesifikasi tayar yang ditawarkan.

2.0 Kerja-kerja Pembaikan Dan Menampal Tayar Pancit (Kenderaan Berat)

- i) Pembekal perlu menghadiri (*attend breakdown*) bagi setiap aduan yang diterima daripada Pegawai Penguasa. Respon masa bagi setiap aduan hendaklah dilakukan dalam masa **dua puluh empat (24) jam** daripada arahan / aduan diberi.
- ii) Kerja-kerja pembaikan tayar hendaklah dilakukan setiap hari dari Isnin hingga Jumaat termasuk hujung minggu (Sabtu dan Ahad).
- iii) Kerja-kerja pembaikan tayar adalah di kawasan bengkel petender atau bengkel Majlis sahaja (termasuk Depoh Stor TP bersebelahan bengkel Majlis / IbuPejabat MBSJ). Selain dari tapak tersebut, petender dibenarkan membuat kerja mengikut keadaan seperti kenderaan 'breakdown'.

3.0 Tuntutan Pembayaran, Kadar Denda/Potongan

- i) Tuntutan pembayaran yang lengkap beserta dokumen berkaitan hendaklah dihantar pada **setiap hujung bulan (30 / 31 haribulan)** bagi bulan semasa bekalan atau perkhidmatan dilaksanakan. Jika pembekal lewat membuat tuntutan pembayaran selepas tarikh tersebut, pihak majlis akan mengenakan denda terhadap pembekal tersebut. Kadar denda adalah seperti berikut:

Bil	Harga Tuntutan	Kadar Denda/Potongan
1.	RM 20,000.00 dan ke bawah	RM 50.00/hari
2.	RM 20,001.00 hingga RM 50,000.00	RM100.00/hari
3.	RM50,001.00 dan ke atas	RM200.00/hari

4.0 Kadar Denda

Syarikat boleh dikenakan denda seperti berikut mengikut kes (merujuk PK 4.2 Perkara 9.10.3 (a) dan (b):

Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan bekalan/ perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada Majlis dengan menggunakan formula berikut:

$$\text{(BLR + 1\%)} \times \text{(Nilai Kontrak / 365)} \times \text{(bilangan hari lewat)}$$

Petender hendaklah bersetuju dan mematuhi kadar denda yang telah ditetapkan oleh MBSJ.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

**MAKLUMAT
PETENDER**



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN J

PELAN LOKASI